

# ‘Dahulukan prinsip perjuangan parti’

Pemimpin PKR digesa bela rakyat, ketepi kepentingan peribadi:  
Saifuddin

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin  
bhnews@bh.com.my

**Sungai Besar:** Pemimpin Parti Keadilan Rakyat (PKR) mesti meletakkan prinsip perjuangan parti untuk membela rakyat menadului soal jawatan dan kepentingan peribadi.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata setiap pemimpin perlu melihat dan memeriksa diri masing-masing yang diberi kuasa serta kepercayaan, sama

ada bergerak di landasan betul atau tergelincir daripada perjuangan sebenar.

“Kita tubuhkan PKR 20 tahun lalu ketika hiruk-pikuk polemik politik dalam negara.

“Ketika itu, kita mengangkat tema keadilan dalam institusi kerajaan, pelaksana, soal birokrasi, kebebasan media dan institusi Parliment,” katanya pada sidang media selepas melakukan lawa-

tan kerja di Jeti 3,000 di sini, semalam.

Sebagai sebuah parti yang mengangkat agenda besar, beliau yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, PKR tidak mungkin sempurna sekiranya ada pemimpin ‘dilanda penyakit’ terlalu memikirkan soal jawatan berbanding isu rakyat.

“Masalah di luar sangat banyak. Isu jurang pendapatan rakyat, keadilan pengagihan kekayaan ekonomi negara, soal kecekapan sistem penyampaian dan peluang pekerjaan.

“Isu seperti ini yang amat dekat dengan rakyat perlu diberi tumpuan,” katanya.

Sebelum ini, Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mendedahkan ada ahli PKR dikesan mulai lupa daratan dan menyalahgunakan kuasa selepas memiliki jawatan dalam kerajaan, sekali gus mirip perangai pemimpin UMNO satu ketika dahulu.

*Kita mengangkat tema keadilan dalam institusi kerajaan, pelaksana, soal birokrasi, kebebasan media dan institusi Parliment.*

*Saifuddin Nasution Ismail,  
Setiausaha Agung PKR*